

Artikel Penyelidikan


Peranan Tuan Eyo Hock Seng dalam Pengembangan Seni Wayang Kulit.

Batrisyia Aqilah Azhami¹, Nur Najwa Izzaty Nasir², Noor Arina Md Arifin^{3*}, Noor Rahmawati Alias⁴

¹ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020489248@student.uitm.edu.my;

² Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020866354@student.uitm.edu.my;

³ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  0000-0002-2900-0026;

⁴ Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343;
Correspondence: arina848@uitm.edu.my; +60179620049

Abstrak: Kajian ini dijalankan bagi menyelami kisah Tuan Eyo Hock Seng sebagai penggiat seni warisan wayang kulit di Kelantan. Beliau merupakan satu-satunya tokoh penggiat seni wayang kulit daripada kaum Cina yang aktif di Kelantan. Objektif kajian adalah untuk mengupas asal usul Tuan Eyo Hock Seng, meneliti penglibatan awal beliau dalam seni wayang kulit serta mengenal pasti pencapaian beliau dalam usaha memartabatkan seni tradisional tersebut. Kajian ini dihasilkan kerana kurang pendedahan terhadap ketokohan tok dalang daripada kajian-kajian lepas. Kebanyakan penyelidik lebih beminat untuk mengkaji berkenaan seni wayang kulit sahaja. Selain itu, perkembangan hiburan moden dan kurangnya penglibatan generasi muda menjadikan seni wayang kulit semakin dilupakan dan berdepan risiko kepupusan. Oleh itu, usaha untuk mendokumentasikan pengalaman dan sumbangan tokoh-tokoh wayang kulit amat penting bagi memastikan warisan budaya ini terus dipelihara. Penyelidik telah menggunakan kaedah temubual secara lisan bersama Tuan Eyo Hock Seng bagi mencapai objektif kajian ini dan semua maklumat yang diperolehi merupakan hasil daripada temubual tersebut. Selain itu, penyelidik turut menggunakan kaedah rujukan bahan bertulis seperti jurnal, artikel dan sumber ilmiah yang berkaitan bagi menyokong maklumat kajian. Hasil kajian mendapati bahawa Tuan Eyo Hock Seng memainkan peranan penting dalam mengembangkan seni warisan wayang kulit kepada masyarakat melalui penglibatan aktif beliau dalam persembahan sehingga tertubuhnya Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu di Kelantan.

Kata kunci: Wayang kulit, Tuan Eyo Hock Seng, Pak Chu, Tok Dalang, Wayang Kulit Kelantan, warisan budaya



Copyright: © 2026 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Wayang kulit merupakan seni persembahan tradisional yang terdapat di Malaysia, Thailand, China dan turut wujud di pelbagai negara lain di segenap Asia Tenggara. AINU SHAM RAMLI (1996) menyatakan wayang kulit sudah lama bertapak di negara Indonesia bermula beberapa abad yang lalu dan dipercayai diperkenalkan oleh India melalui pengembangan agama Hindu. Persembahan seni warisan wayang kulit menggunakan patung yang diperbuat daripada kulit haiwan di mana patung tersebut dimainkan dan digerakkan di belakang layar putih dengan pancaran cahaya bagi menghasilkan bayang-bayang. Wayang kulit di semenanjung Malaysia banyak menerima pengaruh budaya Jawa dan Pattani dari selatan Thailand. Persembahan wayang kulit diiringi oleh muzik gamelan yang memainkan peranan penting dalam menghidupkan suasana penceritaan setiap

persembahan. Menurut Mohd Ghouse Nasuruddin (2001), setiap persembahan wayang kulit mempunyai prinsip asas yang sama, iaitu menampilkan bayangan patung melalui penggunaan cahaya. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dalam aspek bentuk dan ukuran patung, teknik pengendalian patung, serta jenis iringan muzik yang mengiringi persembahan tersebut.

Definisi “wayang kulit” membawa maksud “bayangan daripada kulit”, iaitu merujuk kepada patung kulit yang digunakan bagi menghasilkan bayangan dalam persembahan di Indonesia. Namun demikian, di Malaysia, istilah wayang kulit merujuk kepada keseluruhan persembahan teater bayangan tersebut. Seni persembahan ini bukan hanya bertujuan sebagai hiburan tradisional, malah turut berperanan sebagai medium untuk menyampaikan cerita, nilai budaya dan pengajaran kepada masyarakat. Terdapat pelbagai jenis patung yang digunakan mengikut watak tertentu dalam wayang kulit. Ukuran patung berbeza-beza mengikut watak yang dimainkan.

Tok dalang merupakan individu penting dalam setiap persembahan wayang kulit. Beliau bukan sahaja bertanggungjawab menggerakkan patung di belakang layar, malah turut menjadi pencerita, memberi suara kepada watak serta mengawal perjalanan cerita. Persembahan ini memerlukan kemahiran tinggi kerana tok dalang perlu mengendalikan pelbagai watak dengan suara dan gaya yang berbeza. Bilangan tok dalang yang masih lagi aktif turut terkesan daripada kemerosotan seni persembahan wayang kulit. Menurut Rahimidin Zahari (2014), pada masa kini hanya beberapa tok dalang yang masih lagi bergiat aktif dalam memperjuangkan warisan **wayang kulit**. Keadaan ini membuktikan bahawa wayang kulit sedang melalui era kemerosotan berbanding zaman awal perkembangannya yang pernah menjadi hiburan utama masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini juga menumpukan perhatian kepada tokoh legenda wayang kulit Kelantan, iaitu Eyo Hock Seng yang lebih masyur sebagai Tok Dalang Pak Chu.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini bermula daripada analisa penyelidikan terhadap kajian lepas yang lebih banyak mengkaji berkenaan unsur dalaman wayang kulit itu sendiri. Peranan tok dalang sering kali kurang diberikan perhatian, walaupun mereka merupakan penggerak utama dalam persembahan wayang kulit. Namun, ditemui beberapa pengkaji yang telah melaksanakan penyelidikan berkaitan tok dalang wayang kulit. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengisi kekompleksan dalam kajian terdahulu dengan mengetengahkan seorang tokoh yang penting, iaitu Eyo Hock Seng atau lebih dikenali sebagai Pak Chu. Kajian ini turut membincangkan ketokohan serta sumbangan beliau dalam memperkembangkan seni wayang kulit Kelantan. Sebelum adanya televisyen dan kemajuan teknologi hiburan moden, wayang kulit dianggap sebagai seni asli yang amat masyur dalam kalangan masyarakat. Keadaan kini berbeza apabila masyarakat khususnya golongan muda mempunyai pelbagai pilihan hiburan seperti permainan video, media sosial, filem dan rancangan hiburan digital. Perubahan ini menyebabkan seni tradisional seperti wayang kulit semakin dilupakan oleh masyarakat.

Beberapa isu telah dikenal pasti hasil daripada kajian yang dijalankan. Antaranya ialah tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan tok dalang dan warisan seni wayang kulit yang semakin dilupakan kerana kurangnya minat generasi muda untuk menjadi pelapis dalam meneruskan warisan seni tersebut. Selain daripada itu golongan muda juga kurang didedahkan dengan pengetahuan asas serta penghayatan terhadap seni wayang kulit. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak memahami

nilai budaya dan sejarah yang terkandung dalam persembahan tersebut. Cabaran untuk menarik minat masyarakat terhadap persembahan wayang kulit semakin meningkat apabila ia perlu bersaing dengan hiburan moden yang lebih mudah diakses serta bersifat interaktif. Sebilangan besar golongan muda lebih cenderung memilih hiburan moden berbanding seni tradisional kerana dianggap lebih menarik serta selari dengan perkembangan teknologi semasa. Penyelidik juga mendapati bahawa kajian yang memfokuskan kepada penggiat seni wayang kulit Tok Dalang Pak Chu agak terhad walaupun terdapat beberapa kajian berkaitan wayang kulit yang telah dijalankan sebelum ini. Selain itu, kajian terdahulu kurang memberi penekanan terhadap Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu. Oleh itu, kajian ini akan lebih memfokuskan kepada muzium tersebut sebagai usaha untuk mendokumentasikan serta memperkenalkan warisan seni wayang kulit kepada masyarakat. Melalui kajian ini, diharapkan generasi masa kini dapat lebih mengenali, menghargai dan meminati seni wayang kulit sebagai warisan budaya yang bernilai tinggi.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat tentang Tuan Eyo Hock Seng atau Pak Chu, satu-satunya figura penggiat seni wayang kulit dalam kalangan masyarakat Cina di Kelantan, serta meneliti sumbangan beliau dalam memartabatkan seni wayang kulit sebagai warisan budaya tradisional. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengupas asal usul Tuan Eyo Hock Seng (Pak Chu).
- ii. Untuk menganalisis pengalaman serta pencapaian Eyo Hock Seng dalam seni wayang kulit di Kelantan.
- iii. Untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang seni wayang kulit serta wujudnya Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu sebagai salah satu usaha memelihara warisan budaya tradisional.

4. PERSOALAN KAJIAN

Untuk memenuhi matlamat kajian yang telah ditetapkan, beberapa persoalan kajian telah dibentuk sebagai panduan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah latar belakang Eyo Hock Seng?
- ii. Bagaimanakah Eyo Hock Seng mula melibatkan diri dalam seni wayang kulit?
- iii. Apakah pengalaman dan pencapaian Eyo Hock Seng sepanjang menjadi tok dalang wayang kulit?
- iv. Bagaimanakah tertubuhnya Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu sebagai pusat pemeliharaan seni warisan wayang kulit di Kelantan?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana sebagai langkah untuk memelihara seni warisan wayang kulit sebagai salah satu budaya tradisional masyarakat melayu sekaligus memperbanyakkan khazanah wayang kulit. Seni wayang kulit semakin dilupakan dan kurang mendapat perhatian pada masa kini terutamanya daripada generasi muda disebabkan oleh pengaruh hiburan moden. Dokumentasi hasil dari kajian ini diharapkan dapat membantu untuk memelihara seni warisan wayang kulit supaya tidak lapuk ditelan zaman. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan serta memupuk penghargaan masyarakat terhadap penggiat seni wayang kulit, khususnya Eyo Hock Seng, selain menjadi sumber

rujukan kepada penyelidik pada masa depan. Melalui kajian ini, segala maklumat dan pengalaman yang dikongsikan oleh tok dalang dapat direkodkan dan didokumentasikan sebagai usaha menghargai sumbangan mereka dalam mempertahankan warisan seni tradisional. Disamping itu, kajian ini diharapkan mampu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang usaha Pak Chu dalam memperjuangkan seni wayang kulit yang semakin dilupakan. Generasi akan datang juga berpeluang mengenali beliau dengan lebih mendalam dari segi asal usul, pengalaman serta sumbangan beliau terhadap perkembangan seni wayang kulit Kelantan. Kemahiran tokoh dalang dalam menjayakan sebuah persembahan wayang kulit bukanlah sesuatu yang mudah kerana mereka perlu mengawal pergerakan patung, menghasilkan pelbagai suara watak serta menyampaikan jalan cerita secara bersendirian di sebalik layar. Oleh itu, kecekapan dan bakat tok dalang sewajarnya dihargai serta dipandang tinggi oleh masyarakat.

Kajian ini juga memberi tumpuan kepada sumbangan Tuan Eyo Hock Seng terhadap masyarakat, antaranya dengan pelbagai aktiviti seperti sambutan dan kenduri diadakan di dewan Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu tanpa mengenakan sebarang bayaran. Beliau turut menyumbang kepada perkembangan seni wayang kulit dengan mengajar pelajar dari dalam dan luar negara secara percuma. Sikap beliau yang bersungguh-sungguh dalam memartabatkan seni tradisional ini telah menarik minat penyelidik untuk mengkaji lebih lanjut mengenai perjalanan hidup dan pengalaman beliau sebagai seorang tok dalang. Penyelidik juga turut meneliti sejarah perkembangan wayang kulit serta peranan tokoh-tokoh penting dalam memastikan seni ini terus diwarisi. Kajian ini diharapkan dapat membantu penyelidik lain untuk memahami dan mendalami seni wayang kulit dengan lebih terperinci pada masa hadapan secara keseluruhannya.

6. TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur merangkumi kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Tinjauan kajian lepas boleh diperolehi daripada pelbagai sumber seperti artikel ilmiah daripada jurnal, buku dan tesis yang digunakan untuk memahami isu-isu kajian serta meneliti kekurangan kajian Amani Dahaman (2011). Tinjauan literatur bagi kajian ini menumpukan perhatian kepada seni warisan wayang kulit, peranan penggiat seni khususnya tok dalang, perkembangan wayang kulit di Kelantan serta kepentingan kajian lisan dalam mendokumentasikan pengalaman tokoh penggiat seni warisan wayang kulit seperti Tuan Eyo Hock Seng.

6.1 *Konsep Dan Ciri-Ciri Wayang Kulit*

Wayang kulit adalah seni persembahan klasik lama yang terkenal di Malaysia terutamanya di Kelantan. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (2020) menerangkan bahawa wayang kulit menggunakan teknik pencahayaan dan bayang-bayang bagi menghasilkan satu paparan imej visual yang menarik di layer dengan patung yang diperbuat dari kulit haiwan digerakkan oleh dalang. Patung ini bukan sekadar digerakkan secara fizikal tetapi turut membawa maksud cerita kepada penonton. Ghulam-Sarwar Yousof (1994) pula nyatakan persembahan wayang kulit tidak hanya berkaitan soal pergerakan patung tetapi ada juga elemen penceritaan, dialog, vokal, muzik, dan pergerakan. Gabungan semua elemen ini menjadikan wayang kulit satu bentuk teater tradisional yang kompleks; tiada ruang untuk kesilapan, dan penyampaiannya memerlukan kemahiran tinggi.

6.2 *Peranan Dalang dalam penggiat seni*

Tok dalang merupakan watak utama dalam persembahan wayang kulit yang memikul pelbagai tanggungjawab penting dalam menghidupkan keseluruhan pementasan. Educalingo (2023) menyatakan fungsi dalang sebagai penulis cerita, pengarah, pencerita, pelakon suara, dan juga penyanyi. Ini membuktikan dalang bukan sekadar penghibur malah mereka adalah penggiat seni yang memiliki pelbagai kemahiran. Ghulam-Sarwar Yousof (1994) menjelaskan bahawa dalang bertanggungjawab mengawal keseluruhan persembahan iaitu pergerakan patung, penyampaian dialog, dan interaksi dengan pemuzik. Oleh itu, untuk menjadi dalang yang berjaya, mereka perlu pengetahuan luas, kreatif, dan disiplin yang tinggi supaya persembahan berjalan lancar. Tuan Eyo Hock Seng dipandang sebagai penggiat seni yang penting dalam meneruskan tradisi wayang kulit melalui pengalaman dan sumbangannya dalam kajian ini.

6.3 *Perkembangan Wayang Kulit Kelantan*

Wayang kulit kelantan merupakan salah satu bentuk wayang kulit paling popular di Malaysia dan mempunyai keunikan tersendiri yang susah nak cari di tempat lain. Said Halim Said Nong (1988) pernah berkata pada awalnya, persembahan wayang kulit ni banyak berkait dengan kepercayaan animisme dan juga ritual masyarakat melayu lama. Tapi apabila berlaku perubahan zaman dan seni ini pun berubah juga. Tokoh seperti Dollah Baju Merah muncul dan membawa elemen baru ke dalam persembahan wayang kulit. Fara Dayana Mohd Jufry (2014) pula pernah menjelaskan cara persembahan wayang kulit ini memang berbeza mengikut kawasan contohnya di Tumpat, Pasir Mas, dan Kota Bharu. Perbezaan dari segi reka bentuk patung, jalan cerita, dan juga gaya persembahan. Semua perubahan dan inovasi ini jelas menunjukkan yang wayang kulit ini adalah seni yang memang hidup dan sentiasa berkembang.

6.4 *Wayang Kulit sebagai Warisan Budaya*

Seni warisan wayang kulit bukan sekadar hiburan tradisional tetapi merupakan warisan penting yang membawa identiti melayu dan Asia Tenggara. Barbara Hatley (2003) menyatakan wayang kulit ini penuh dengan unsur pendidikan, keagamaan, dan social sejak dari dulu lagi di mana orang Jawa dan masyarakat nusantara memang menggunakan wayang kulit untuk menyampaikan nilai moral, kepercayaan, dengan norma masyarakat setempat. Oleh itu, usaha untuk menjaga dan memelihara seni warisan wayang kulit ini amat penting supaya warisan budaya tidak luput begitu saja. Penggiat seni seperti Tuan Eyo Hock Seng adalah antara yang sering berjuang dalam memastikan seni warisan ini terus hidup dan tidak hilang ditelan zaman.

6.5 *Cabaran dan Kelestarian Wayang Kulit*

Pada masa kini wayang kulit semakin susah nak untuk dikekalkan kerana generasi muda sudah tidak berminat dan hiburan moden jua semakin bertambah. Humairah Hamzah dan rakan-rakan (2015) menyatakan jika generasi muda menyedari dan terlibat aktif di dalam tradisi ini, warisan seni wayang ini mungkin boleh bertahan. Semua pihak perlu memainkan peranan termasuk penggiat seni, institusi pendidikan, sehingga ke masyarakat umum. Selain itu, dokumentasi pengalaman dan ilmu tokoh-tokoh seni sangat penting untuk memastikan seni ini tidak lenyap dan ilmu dapat terus diwarisi sehingga generasi akan datang.

7. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara lisan bersama tokoh serta kaedah kajian literatur bagi memperoleh maklumat yang lebih sahih dan menyeluruh. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapatkan bahan rujukan serta mengkaji hasil penyelidikan lepas yang berkaitan dengan seni

wayang kulit. Sumber rujukan diperoleh daripada perpustakaan seperti Perpustakaan Kedah serta bahan ilmiah lain yang berkaitan bagi memahami latar belakang dan perkembangan seni wayang kulit. Kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual. Penyelidik sepenuhnya bergantung pada sesi temu bual sebagai sumber data primer. Oleh itu, satu sesi temu bual telah dijadualkan bersama tokoh yang dikaji iaitu Eyo Hock Seng. Beliau telah memberikan kerjasama yang baik dan mengalu-alukan kedatangan pengkaji. Sesi temu bual tersebut telah dijalankan pada 12 Januari 2023 secara bersemuka di Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu yang terletak di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan. Data yang diperoleh sepanjang sesi tersebut merupakan data primer yang dikumpulkan secara langsung daripada tokoh kajian. Kaedah ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih jelas, tepat dan autentik mengenai pengalaman serta sumbangan beliau dalam seni wayang kulit.

8. HASIL KAJIAN

8.1 Proses Pembuatan Wayang Kulit

Melalui kajian ini, penyelidik mendapati bahawa proses pembuatan patung wayang kulit Kelantan menggunakan bahan asas seperti kulit lembu atau kulit kambing. Bahan ini dipilih kerana sifatnya yang tahan lama dan sesuai untuk diukir menjadi pelbagai bentuk watak. Selain itu, terdapat juga inovasi moden dalam pembuatan patung wayang kulit yang menggunakan bahan plastik. Penggunaan bahan plastik ini tidak bertujuan menggantikan bahan asal, sebaliknya sebagai satu usaha kreatif untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang impak kepada alam sekitar menerusi penggunaan bahan kitar semula serta mengurangkan kos penghasilan.

8.2 Karakter Utama dalam Wayang Kulit

Hasil temu bual bersama Eyo Hock Seng menunjukkan terdapat beberapa watak utama yang sering diterapkan dalam persembahan wayang kulit. Antaranya ialah watak Hanuman atau dikenali sebagai Beruk Putih yang adalah watak penting dalam Hikayat Maharaja Wana. Watak ini digambarkan dengan ciri fizikal seperti badan gempal, satu lengan bersendi, hidung lebar, mata besar serta mulut besar dengan gigi tajam. Selain itu, watak Sri Rama juga merupakan antara watak utama yang sering digunakan dalam penceritaan wayang kulit.

8.3 Persepsi Masyarakat terhadap Unsur Mistik dalam Wayang Kulit

Kajian ini turut mendapati bahawa terdapat persepsi dalam kalangan masyarakat yang mengaitkan seni wayang kulit dengan unsur mistik. Keadaan ini menyebabkan sebahagian masyarakat, khususnya golongan muda, berasa takut untuk melibatkan diri dalam seni warisan tersebut. Namun begitu, menurut Eyo Hock Seng, unsur mistik tersebut lebih banyak dikaitkan dengan amalan lama dan tidak lagi diamalkan semasa pementasan wayang kulit moden. Beliau menjelaskan bahawa wayang kulit tidak bertentangan dengan ajaran agama selagi tidak melibatkan unsur pemujaan, jampi serapah atau mantera yang bercanggah dengan kepercayaan agama.

8.4 Latar Belakang dan Peranan Tok Dalang Pak Chu

Hasil kajian juga memberi tumpuan kepada latar belakang Eyo Hock Seng yang merupakan tokoh tunggal tok dalang berbangsa Cina yang masih bergiat aktif dalam seni wayang kulit di Kelantan. Beliau memainkan peranan penting dalam melindungi dan meperkasakan seni warisan ini agar terus dikenali oleh generasi muda. Sikap beliau yang mesra dan profesional sepanjang sesi temu bual turut memberi kesan positif kepada pengkaji dalam memahami perjalanan hidup serta sumbangan beliau terhadap seni wayang kulit.

8.5 Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu

Kajian ini juga mendapati bahawa Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu berperanan sebagai pusat pemeliharaan dan pameran warisan seni wayang kulit. Muzium ini bukan sahaja mempamerkan koleksi patung wayang kulit, malah turut menjadi ruang pendidikan kepada masyarakat untuk memahami sejarah dan perkembangan seni tersebut. Selain itu, muzium ini juga sering digunakan untuk pelbagai aktiviti komuniti seperti majlis sambutan dan kenduri tanpa mengenakan sebarang bayaran, sekali gus menunjukkan sumbangan tokoh kepada masyarakat.

8.6 Penemuan Tambahan Hasil Temu Bual

Selain daripada maklumat berkaitan seni wayang kulit, kajian ini turut memperoleh penemuan tambahan melalui sesi temu bual bersemuka bersama Eyo Hock Seng. Antara penemuan tersebut ialah maklumat peribadi mengenai latar belakang keluarga beliau termasuk terdapat ahli keluarganya yang telah memeluk agama Islam. Maklumat ini tidak banyak didokumentasikan dalam sumber lain dan hanya diperoleh melalui interaksi langsung dengan tokoh kajian. Secara keseluruhannya, sesi temu bual ini memberi pengalaman yang sangat bermakna dan meningkatkan pemahaman pengkaji terhadap dunia seni wayang kulit dengan lebih mendalam.

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan membuktikan bahawa Tuan Eyo Hock Seng banyak menyumbang kepada evolusi seni wayang kulit di Kelantan. Sepanjang penglibatannya dalam dunia perwayangan, beliau telah menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan. Walaupun beliau tidak pernah mengharapkan sebarang anugerah atau pengiktirafan, jasa dan pengorbanannya dalam mempertahankan seni ini wajar diberikan pengiktirafan sewajarnya. Antara sumbangan utama beliau termasuklah membenarkan pelbagai aktiviti seperti sambutan dan kenduri diadakan di dewan Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu tanpa dikenakan sebarang bayaran. Selain itu beliau juga telah mengajar ramai pelajar dari dalam dan luar negara secara percuma dalam usaha memastikan seni wayang kulit terus diwarisi. Kajian ini juga penting dalam memberi pendedahan kepada masyarakat, khususnya golongan muda, agar mereka lebih mengenali, memahami dan menghargai seni warisan ini supaya tidak terus pupus ditelan arus pemodenan. Kajian ini juga meneliti sejarah perkembangan seni wayang kulit serta peranan tokoh-tokoh penting dalam memelihara seni ini. Kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mengkaji latar belakang Eyo Hock Seng, menganalisis pengalaman serta pencapaian beliau dalam seni wayang kulit di Kelantan, serta mendedahkan kepada masyarakat tentang peranan tok dalang dalam seni wayang kulit dan kewujudan Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu sebagai salah satu usaha memelihara warisan budaya negara.

RUJUKAN

- Ainu Sham Ramli , Mohd Azmi Ibrahim .(1996). *Wayang Kulit*. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Amani Dahaman. (2011). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan laporan projek*. McGraw-Hill Education.
- Ariffin, W. N. J. W., Ghani, N. I. A., & Abdullah, R. (n.d.). *Sustainability of wayang kulit and main puteri cultural performances among the Malay society in eastern Peninsular Malaysia*.
- Educalingo. (2023). *Definisi dalam*. Retrieved May 8, 2026, from <https://educalingo.com>
- Fara Dayana Mohd Jufry. (2014). *Perkembangan wayang kulit Kelantan dan perubahan persembahan tradisional* (Tesis sarjana muda, Universiti Malaya).
- Ghani, D. B. A. (2010). *Wayang Kulit Kelantan: The challenges between traditional and digital media in puppetry theatre*. Universiti Kuala Lumpur.
- Ghazali, N. (2014). *Watak-watak utama dalam cerita wayang kulit tradisional Kelantan* (Disertasi doktor falsafah, Universiti Malaysia Kelantan).
- Hatley, B. (2003). *Javanese performances on an Indonesian stage: Contested culture and identity in the theatre of Java*. University of Hawai'i Press.
- Humairah Hamzah, Rosfazila Abd Rahman, & Novel Lyndon. (2015). Kelestarian budaya warisan dalam kalangan generasi muda di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(2), 45–58.
- Jasni, M. N. (2021). *Kajian tentang alat muzik tradisional Geduk dalam persembahan wayang kulit di Kelantan* (Disertasi doktor falsafah, Universiti Malaysia Kelantan).
- Jufry, F. D. M., & Rahman, M. K. A. (2018). Archetypal characters in wayang kulit Kelantan. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(5), 87–101.
- Kia, K. K., & Chan, Y. M. (2009, August). A study on the visual styles of wayang kulit Kelantan and its capturing methods. In *2009 Sixth International Conference on Computer Graphics, Imaging and Visualization* (pp. 423–428). IEEE.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin .(2003). *Muzik Tradisional Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Dain Othman. (2012, August 25). Personal communication.
- Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. (2020). *Wayang kulit sebagai warisan budaya Kelantan*. Retrieved May 8, 2026, from <https://muzium.kelantan.gov.my>
- Rahamidin Zahari (2014). *Transformasi Wayang Kulit Kelantan dalam Seni Lukis Moden Malaysia* dlm Jurnal Kritikan Malaysia. Nusa Centre, Kuala Lumpur.
- Said Halim Said Nong. (1988). *Aspek-aspek teater tradisional Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yousof, G. S. (1994). *Panggung Semar: Aspects of traditional Malay theatre*. Tempo Publishing.
- Yousof, G. S., & Khor, K. K. (2017). Wayang kulit Kelantan: A study of characterization and puppets. *Asian Theatre Journal*, 34(1), 1–25.